

Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A)No:100-0/3585/Jld.1/(152)

Tarikh: 19 Jun 2006

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6/2006
PERATURAN PEMBAYARAN MELALUI 'ONLINE BANKING'**

1. Tujuan surat pekeliling ini adalah;

- 1.1 Untuk menerangkan peraturan perbankan mengenai pembayaran akaun penama pada cek dan pembayaran melalui 'Online Banking'.

2. Latar Belakang

- 2.1 Jabatan Bendahari Negeri telah mula menggunakan pembayaran melalui Alliance 'Online Banking' bagi bayaran tuntutan elaun-elaun dalam perkhidmatan, elaun semasa bertugas rasmi, elaun lebih masa dan bayaran gaji. Sepertimana yang dijelaskan melalui Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 9/2005 bertarikh 17 Oktober 2005.

3. Peraturan Bank

Melalui kaedah bayaran ini pihak perbankan telah menetapkan beberapa peraturan mengenai butiran nama penerima, nombor Akaun dan nombor kad pengenalan yang perlu bagi mengelak permindahan kredit ke akaun pengguna ditolak oleh pihak Bank.

4. Borang pengesahan Akaun Bank

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan pegawai yang membuat tuntutan bayaran elaun/gaji mengisi dengan betul dan lengkap borang pengesahan Akaun Bank seperti di LAMPIRAN A untuk disertakan dengan Baucar Bayaran. Pihak Bank telah menetapkan peraturan berikut berkaitan maklumat dan butiran Bank penerima.

...2/-

- (i) Nama Penerima mestilah mengikut nama pada kad pengenalan.
- (ii) Gelaran seperti Datuk/Datin/Haji/Hajjah dsb. Tidak dibenarkan dibubuh pada nama dalam Borang berkenaan. Sistem yang digunakan oleh Bank akan menolak transaksi berkenaan.
- (iii) Nombor Akaun Bank yang mempunyai abjad (alpha) pada hadapan nombor akaun bank tidak diperlukan mencatat abjad berkenaan dan hanya nombor akaun bank sahaja perlu dicatat. Nombor akaun mestilah berturutan tanpa sengkang.
- (iv) Nombor kad pengenalan mestilah ditulis berturutan tanpa sengkang.

5. Pemansuhan

LAMPIRAN 'C' pada Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 9/2005 bertarikh 17 Oktober 2005 adalah dimansuhkan dan diganti dengan LAMPIRAN 'A' pada surat pekeliling ini.

6. Tarikh Pelaksanaan

Pelaksanaan peraturan pembayaran ini adalah dikuatkuasakan dengan serta merta. Sekiranya mempunyai kemosykilan mengenai peraturan ini sila berhubung terus dengan Aktauntan pada talian 088-252446 atau emel: 'Seria.Indan@sabah.gov.my'.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



.....
(CHUI NGET NGO)

Bendahari Negeri

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian Sabah
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan – En. Denis Mijin)

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592, KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan – En. Ag. Hashim Hj. Mohd. Yusof)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p: Akauntan Kanan – En. Rusdin Rimam)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p: Akauntan Kanan – En. Robin Wong)

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Pegawai Sistem Maklumat – Cik Cecilia Chang)

ASA/cc.

LAMPIRAN 'A'

**Borang Pengesahan Akaun Bank
Untuk Pembayaran Am
Melalui Alliance Online Banking**

Nama : (Sila guna HURUF BESAR)

(Ejaan nama seperti pada kad pengenalan. Gelaran pada hadapan nama seperti Datuk, Mr., Encik, Haji, Cik dsb. Tidak dibenarkan)

Nombor Kad Pengenalan :

Baru :

					-			-				
--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nombor Pasport :

Nombor Akaun Bank :

(Name of the person who will be in charge)

(Nombor Akaun mestilah berturutan tanpa sengkang (space)).

Nama Bank :

[View Details](#)

Saya/kami mengesahkan bahawa maklumat dan butir-butir mengenai Akaun Bank seperti di atas adalah milik saya/kami. Saya/kami bersetuju caj perkhidmatan Bank (jika ada) atas bayaran yang dikredit ke Akaun berkenaan di debit ke akaun yang sama.

Tandatangan : _____

Nama Penuh : Cop Syarikat:

Tarikh : —